

- Puan Nurul Husna  
Awang / ps - 9/6/2010

(24)

JK/MP 16 Jld.5

09 Jun 2010

Pengarah Mahkamah Negeri  
Mahkamah Sesyen  
**Seluruh Malaysia**

YBhg. Datin / Tuan / Puan,

**PENGGUNAAN NAMA DI ATAS PERINTAH DAN PENGHAKIMAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat bertarikh 6 Mei 2010 yang telah dihantar melalui email dan dilampirkan di sini.

2. Sehingga kini, kami masih belum menerima maklum balas daripada Pengarah-Pengarah negeri berkenaan nama lengkap Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret Mahkamah Majistret, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi yang beliau inginkan untuk tertera di dalam Perintah dan Penghakiman tersebut.

3. Oleh yang demikian, pohon kerjasama YBhg. Datin / tuan / puan untuk mendapatkan senarai tersebut dan hendaklah dihantar melalui Pengarah Negeri masing-masing dan dihantar ke Pejabat Ketua Pendaftar di alamat email [cr@kehakiman.gov.my](mailto:cr@kehakiman.gov.my) atau difaks semula ke 03-88803955 / 03-88805464 sebelum atau pada **15 Jun 2010 (Selasa)**.


4. Jika mempunyai sebarang pertanyaan, YBhg. Datin / tuan / puan bolehlah menghubungi **Puan Nurul Husna binti Awang** di talian **03-88803887** dan **Puan Husna binti Dzulkifly** di talian **03-88804191**.

5. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datin / tuan / puan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(HASHIM BIN HAMZAH)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

s.k

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

23

## LAMPIRAN

JK/MP 16 Jld.5

6 Mei 2010

Pengarah Mahkamah Negeri  
Mahkamah Seluruh Malaysia

YBhg. Datin / Tuan / Puan,

### **PENGGUNAAN NAMA DI ATAS PERINTAH DAN PENGHAKIMAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pada mesyuarat Pengurusan Hakim dengan Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar Malaya pada 30.4.2010 dimana salah satu format yang ingin disediakan ialah untuk mewujudkan satu format "Perintah" dan "Penghakiman" yang lebih padat dan ringkas.
3. Oleh yang demikian, salah satu langkah awal ke arah usaha tersebut adalah dengan meringkaskan penggunaan nama Hakim yang tertera pada "Perintah" atau "Penghakiman" tersebut.
4. Adalah juga dipersetujui bahawa gelaran seperti Datuk, Datin, Dr., Haji dan darjah kebesaran tidak perlu diletakkan. Oleh yang demikian, pohon kerjasama Tuan/Puan untuk mendapatkan nama lengkap pada setiap Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret Mahkamah Majistret, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi yang beliau inginkan untuk tertera di dalam Perintah dan Penghakiman tersebut.
5. Senarai nama ini hendaklah dihantar melalui Pengarah Negeri masing-masing dan dihantar semula ke Pejabat Ketua Pendaftar.
6. Kerjasama daripada pihak Tuan/Puan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(HASHIM BIN HAMZAH)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

...2/-

**s.k**

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**